

'Wacana' dan 'Cerita' dalam Novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan

Mohd Zariat Abdul Rani

*Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia*

Emel: mozariat@yahoo.com

ABSTRAK

Dalam kebanyakan tamadun Barat dan Timur, soal fungsi karya sastera khususnya yang terhasil berasaskan cerita-cerita rekaan telah lama menjadi perbincangan. Dalam tamadun Yunani umpamanya, perkara ini mencetuskan perdebatan antara Plato dengan Aristotle yang saling berbeza pandangan tentang peranan serta sumbangan karya sastera dalam pembinaan tamadun. Tradisi kesusasteraan Melayu juga tidak terkecuali daripada membangkitkan perkara yang sama. Menurut Braginsky (1993), semenjak abad ke-16 dan 17 Masihi, wujud kesedaran yang jelas dan menyeluruh dalam kalangan orang Melayu tentang fungsi karya sastera yang mereka bahagikan kepada tiga tujuan yang saling berbeza, iaitu memberikan hiburan, memberikan pengajaran, atau mengajar manusia untuk mengenal hakikat Pencipta-Nya. Penting untuk dikatakan bahawa perkara tersebut masih menjadi perbincangan dalam kalangan penggiat sastera Melayu hari ini. Antara tokoh yang sering membangkitkan perkara tersebut ialah Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Affandi), seorang pengkritik sastera dan penulis kreatif yang terkenal di Malaysia. Sebagai pengkritik sastera, Mohd. Affandi telah menjana satu gagasan sastera yang dikenali sebagai Persuratan Baru (seterusnya PB) yang antara idea pokoknya menuntut supaya sastera Melayu hari ini memberikan perhatian yang serius terhadap soal penyampaian ilmu. Sesungguhnya seruan Affandi ini membangkitkan satu persoalan yang penting, iaitu apakah beliau sendiri merealisasikan seruannya itu? Bertolak daripada persoalan tersebut, kajian ini diusahakan bagi menganalisis sebuah karya kreatif Affandi, dengan menerapkan kerangka analisis yang digagaskan oleh beliau sendiri (PB), guna mengenal pasti sama ada penghasilan karya kreatif tersebut mengambil kira secara serius seruannya sendiri tentang fungsi karya sastera sebagai wadah ilmu. Untuk itu, kajian ini memilih novel Affandi bertajuk *Pujangga Melayu* (1997) (seterusnya *Pujangga...*) sebagai bahan kajian. Dengan menerapkan PB yang dengan ketara membezakan antara 'ilmu' dan 'cerita' sebagai kerangka, analisis ini berhasil menjawab persoalan yang dibangkitkan apabila *Pujangga...* didapati menjadi manifestasi konkrit terhadap gagasan Persuratan Baru yang dijana oleh Affandi.

ABSTRACT

The function of literary works, specifically that of fictional narratives, has been a source of debate in Western and Eastern civilisations throughout the ages. In ancient Greece for example, this issue sparked a conflict between the philosophical schools of Plato and Aristotle, who both had contrasting views on the role and contribution of literary works to the formation of a culturally civilised society. The Malay literary tradition is no exception; Braginsky (1993) states that since the 16th and 17th centuries, Malays have been aware of the functional value of literature, which among other functions serves to teach, and to enlighten mankind with knowledge. It is important to note that the same issue is still a matter of debate in contemporary Malay literature. Chief amongst those who regularly foreground the issue is Mohd. Affandi Hassan (hereafter Hassan), a renowned Malaysian literary critic and creative writer. As a literary critic, Hassan generated the notion of 'Persuratan Baru', a notion

that amongst other principles urges authors of Malay literary works to prioritise the transmittance of knowledge. Naturally, this invites scrutiny, especially given the context of Hassan being a creative writer himself; with such a standing (as a literary critic and creative writer) the question that immediately springs to mind is whether Hassan heeds his own call. In this light, this article will analyse one of Hassan's works based on his own analytical framework – Persuratan Baru – in an effort to determine whether the construction of said work truly takes into account his own identification of the function of literary works, that is as a medium of knowledge. Therefore, Hassan's novel *Pujangga Melayu* (1997) (henceforth *Pujangga...*) will be utilised as a study material. By using PB which distinguishes clearly between 'knowledge' (*ilmu*) and 'narrative' (*cerita*) as an analytical framework, my findings answer the question brought up earlier that Hassan has indeed practiced what he has preached, by presenting *Pujangga...* as a concrete manifestation of his literary notion - 'Persuratan Baru'.

Kata kunci: Wacana, karya sastra, penggiat sastra, Persuratan Baru

MUKADIMAH

Soal fungsi karya sastra khususnya yang terhasil berasaskan cerita-cerita rekaan telah lama menjadi perbincangan dalam kebanyakan tamadun Barat dan Timur. Dalam tamadun Yunani misalnya, perkara ini telah mencetuskan perdebatan antara Plato dengan Aristotle yang saling berbeza pandangan tentang peranan dan sumbangan karya sastra dalam pembinaan tamadun bangsa. Perkara yang sama turut diberikan perhatian serius dalam tradisi Cina Purba yang menuntut agar sesebuah karya sastra mengandungi nilai-nilai sejarah yang boleh dijadikan teladan kepada pembaca. Dalam tradisi kesusasteraan Melayu, perkara yang sama turut dibangkitkan. Menurut Braginsky (1993), orang Melayu semenjak abad ke-16 dan 17 Masihi telah mula memahami

dengan jelas dan menyeluruh tentang fungsi karya sastra yang mereka bahagikan kepada tiga tujuan yang saling berbeza, iaitu memberikan hiburan, memberikan pengajaran, atau mengajar manusia untuk mengenal hakikat Pencipta-Nya (Braginsky, 1993, hlm. 29-48).

Adalah menarik untuk diketahui bahawa perkara di atas masih menjadi perbincangan dalam kalangan penggiat sastra Melayu hari ini. Antara tokoh yang sering membangkitkan perkara tersebut ialah Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi), seorang pengkritik sastra dan penulis kreatif yang terkenal di Malaysia. Sebagai pengkritik sastra, Mohd. Affandi telah menjana satu gagasan sastra yang dikenali sebagai 'Persuratan Baru' (seterusnya PB)¹, yang antara idea pokok gagasan tersebut

¹ Mohd. Affandi Hassan menjana gagasan Persuratan Baru antaranya melalui tulisan-tulisan penting berikut:- *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1992; *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu*, Penerbit Tiga Puteri, Kota Bharu, 1994; *Pemikiran dan Pendekatan dalam Kesusasteraan Melayu Moden*, dlm. *Kesusasteraan Melayu: Mitos dan Realiti (Esei/Kritikan/Hadiah Sastra Malaysia 1988/1989)*, DBP, 1994, hlm. 68-122; "Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan", kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastra Sendiri, DBP, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999; "Dari Danau Ke Taman: Sajak-sajak Muhammad Hj. Salleh dan Wan Mohd. Nor", kertas kerja Majlis Bicara Buku *Mutiara Taman Adabi* karya Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dari ISTAC; Balai Seminar, DBP Wilayah Timur, Kota Bharu, 21 September 2003; "Unsur Jenaka dalam Novel *Kawin-Kawin*: Kegagalan Intelektual Seorang Sasterawan", kertas kerja Seminar Jenaka Melayu Nusantara, DBP & Universiti Malaya, 21-23 September 2003. "Birokrat Tulen: Satu Analisis Kreatif dari Sudut Persuratan Baru", dlm. Lampiran A, Tesis Keadoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani, Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004; "Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti-Intelektualisme, Hasad, Pandirisme", kertas kerja Wacana Ilmiah DAMAI, ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21 Disember 2004; "Keaiban Intelektual Para Sasterawan: Menghidupkan Kembali Persuratan Melayu", dlm. A. Aziz Deraman (pynt.) *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Ke-3*, DBP, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 209-230; & "Hadiah dan Anugerah Sastra Sastra di Malaysia: Satu Penilaian Kritis", kertas kerja Seminar Impak Anugerah dan Hadiah Sastra Ke Atas Perkembangan Sastra Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 25 Mei 2006. Dalam perkembangan terkini, selain telah dibahaskan secara serius oleh beberapa sarjana tempatan, gagasan Persuratan Baru turut mendapat perhatian di peringkat antarabangsa apabila buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* tersenarai sebagai antara tulisan penting tentang Islam dalam projek bertajuk Muslim Civilisations Abstracts yang diusahakan oleh Institute for the Study of Muslim Civilisations, The Aga Khan University (International) in the United Kingdom. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk: <http://www.aku.edu>.

menuntut supaya karya sastra Melayu hari ini memberikan perhatian yang serius terhadap penyampaian ilmu, seperti yang akan dibicarakan lebih lanjut nanti. Sesungguhnya seruan Mohd. Affandi ini mengundang penelitian yang penting, terutamanya dalam konteks kedudukan beliau sebagai penulis kreatif yang turut menghasilkan karya-karya kreatif. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kedudukan beliau yang sedemikian (iaitu sebagai pengkritik sastra dan penulis kreatif), persoalan yang dengan mudah boleh berlegar di fikiran ialah "Apakah Mohd. Affandi sendiri dapat merealisasikan seruannya itu?" Dengan mengambil kira persoalan tersebut, kajian ini diusahakan bagi menganalisis sebuah karya kreatif Mohd. Affandi dengan menerapkan kerangka analisis yang digagaskan oleh beliau sendiri, iaitu PB, guna mengenal pasti sama ada penghasilan karya kreatif tersebut telah mengambil kira secara serius seruan beliau sendiri tentang fungsi karya sastra sebagai wadah ilmu. Untuk itu, kajian ini memilih novel Mohd. Affandi bertajuk *Pujangga Melayu* (1997) (seterusnya *Pujangga...*) sebagai bahan kajian yang akan dianalisis berasaskan kerangka PB janaan Mohd. Affandi sendiri. Bahagian yang seterusnya akan membincangkan secara ringkas gagasan PB, guna melakarkan beberapa idea pokok Mohd. Affandi yang akan diguna pakai dalam analisis nanti.

PERSURATAN BARU: SATU KERANGKA ANALISIS

Pada dasarnya, PB merupakan satu gagasan sastra yang kompleks yang pada hakikatnya menuntut satu perbincangan tuntas dan menyeluruh. Atas kesedaran tentang kompleksiti PB serta risiko yang mempermudah perbincangan tentangnya, makalah ini hanya akan membincangkan beberapa idea penting PB yang akan diguna pakai dalam

analisis nanti. Pada tahap filosofikal, PB tertegak pada pengertian *Qalam* di sisi Islam yang dijelaskan Al-Qur'an sebagai sejenis 'pena' yang dapat dimanfaatkan dalam kegiatan karang-mengarang. Al-Qur'an menjelaskan bahawa *Qalam* berfungsi sebagai alat untuk menyebarkan 'ilmu yang benar', iaitu 'ilmu' yang dapat menerangkan akal (daya intelek dan rasional) manusia untuk mengenal Pencipta-Nya, yakni Allah s.w.t. Pengertian *Qalam* ini dengan sendirinya menjejapkan matlamat penghasilan karya sastra menurut PB, iaitu menyampaikan ilmu kepada pembaca. Dengan falsafah sastra yang dikejakkan pada pengertian *Qalam*, PB hadir dengan idea-idea pokoknya yang bertunjangkan Islam. Hal ini dengan sendirinya menjadikan pemahaman PB tentang beberapa perkara seperti soal 'ilmu' dan 'cerita' dalam karya sastra berbeza dengan pemahaman yang lumrah diguna pakai dalam kegiatan kesusasteraan Melayu moden.²

Seterusnya, dalam konteks kedua-dua perkara di atas ('ilmu' dan 'cerita'), adalah relevan untuk dijelaskan bahawa dalam pemahaman yang umum, 'cerita' rata-rata dianggap sebagai satu aspek integral yang membentuk keseluruhan karya kreatif seperti novel, cerpen, drama dan sebagainya.³ Dalam praktik yang lumrah diguna pakai dalam sastra Melayu hari ini, 'cerita' dan 'ilmu' rata-rata ditanggapi sebagai satu kesatuan dalam sesebuah karya kreatif. Dengan kata lain, 'ilmu' dalam karya kreatif dianggap terkandung dalam 'cerita' yang dipaparkan; dan ini bererti, dalam usaha menyampaikan 'ilmu' melalui karya sastra/kreatif, aspek 'cerita' dan pembikinannya menjadi keutamaan. Dalam konteks pemahaman yang sedemikian, PB hadir dengan pandangannya yang berbeza, kerana berdasarkan pengamatan Mohd. Affandi terhadap kesusasteraan Melayu, matlamat untuk

² Dapat dikatakan bahawa falsafah dan konsep sastra yang mendasari kegiatan kesusasteraan Melayu moden tidak banyak berbeza dengan konsep sastra moden di Barat. Kesejajaran ini merupakan antara kesan daripada proses penjajahan yang berlaku di Alam Melayu. Soal kehadiran Barat dan kesannya terhadap kesusasteraan Melayu telah saya bicarakan secara khusus pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, *Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan Melayu*, *Jurnal Pengajian Melayu* (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), Jilid 17, 2006, hlm. 330-361.

³ Sila rujuk perbincangan Ungku Maimunah Mohd. Tahir tentang beberapa praktik lumrah sastra Melayu moden dalam kertas kerja bertajuk 'Fungsi Teori dan Kritikan dalam Pembinaan Kanun Sastra Melayu', kertas kerja Seminar Kritikan Sastra Melayu Serantau, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 24-26 September, 2001, hlm. 22; & 'Sastra Menjana Fikiran Masyarakat', kertas kerja Seminar Kebangsaan Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur, 12 - 14 Julai, 2000, hlm. 13.

menyampaikan 'ilmu' sering kali digagalkan kerana keutamaan serta keghairahan penulis kreatif untuk menyampaikan 'cerita' (Mohd. Affandi Hassan, 1999a). Hal ini, menurut PB berlaku kerana 'ilmu' dan 'cerita' dalam konteks kesusasteraan menurut Islam mendukung fungsinya yang saling berbeza. Fungsi 'ilmu', menurut PB dan seperti yang telah dinyatakan ialah menjadikan manusia kenal akan 'kebenaran' (dalam konteks Islam, iaitu hakikat Pencipta dan kejadian manusia sebagai *Insan*); manakala 'cerita' mendukung fungsinya untuk memberikan hiburan. Dengan pemahaman ini, PB hadir dengan idea pokoknya yang membezakan secara jelas antara 'ilmu', dan 'cerita' dalam penghasilan dan penghayatan sesebuah karya kreatif. Perbezaan fungsi antara kedua-dua komponen tersebut ('ilmu'-'cerita') dengan sendirinya mengundang persoalan tentang kedudukan kedua-duanya dalam karya sastera. Sejajar dengan matlamat tunggal penghasilan karya sastera yang dikejakkan pada soal penyampaian ilmu, PB menggariskan prinsipnya yang memberikan "keutamaan kepada ilmu" (*primacy of knowledge*), dan meletakkan 'cerita' pada kedudukannya yang subordinat kepada ilmu' (*subordination of narrative to knowledge*), sebagaimana yang terkandung dalam pandangan Mohd. Affandi tentang fungsi cerita dalam novel menurut Islam:

Novel tidak lagi bercerita, tetapi untuk menyatakan gagasan dan pemikiran....Saya tidak berminat untuk hanya bercerita, kerana dalam kajian saya, Al-Qur'an tidak pernah sekadar bercerita. Cerita digunakan untuk menyatakan sesuatu gagasan atau pemikiran, untuk memberi peringatan atau amaran (Mohd. Affandi Hassan, 1994b, hlm. 4).

Perbincangan yang seterusnya akan menjelaskan secara lebih terperinci tentang perbezaan antara 'ilmu' dan 'cerita', iaitu perkara pokok yang akan diberikan perhatian sepanjang kajian ini. Penting dijelaskan bahawa soal 'ilmu' ditangani PB pada dua tahap, iaitu filosofikal dan operasional. Seperti yang telah dijelaskan, pengertian 'ilmu'

pada tahap filosofikal di sisi PB, merujuk kepada ilmu yang dapat menjadikan manusia tahu dan kenal akan Pencipta-Nya. Pada tahap operasional pula, 'ilmu' menurut PB boleh merujuk kepada kehadiran sesuatu idea, pemikiran atau gagasan tertentu. Dalam konteks ini, perkara pokok yang diberikan perhatian ialah bagaimana idea, pemikiran atau gagasan tersebut hadir serta dapat beroperasi secara berkesan dalam sesebuah karya kreatif. Menyadari akan kompleksiti pengertian 'ilmu' secara filosofikal yang pada hakikatnya menuntut kepada satu perbincangan yang lebih khusus,⁴ kajian ini memilih untuk menerapkan pengertian 'ilmu' menurut PB pada tahap operasional, yang seterusnya akan dirujuk sebagai 'wacana'. Meskipun begitu, penting difahami bahawa pengertian 'ilmu' pada tahap operasional rata-rata masih berlegar pada kerangka falsafah yang sama, iaitu memberikan keutamaan kepada potensi intelek dan rasional manusia, seperti yang telah dijelaskan di atas. Kesejajaran ini jelas apabila 'wacana' menurut PB juga merujuk kepada penggabungan idea, buah fikiran atau gagasan tertentu yang mencetuskan proses penakulan (*reasoning process*), yang melibatkan isian-isian (isian wacana/*discourse content*) yang penting dalam pembikinan satu wacana yang mantap seperti pengutaraan, pengupasan dan pentafsiran idea atau maklumat, yang kemudiannya membentuk satu penghujahan dan proses pengukuhan hujah tersebut seperti perdebatan, bidasan serta penangkisan hujah bertentangan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd. Affandi:

Wacana... ialah pencernaan maklumat yang telah diberi tafsiran sendiri kerana telah disesuaikan oleh watak berkenaan. Wacana adalah pemikiran berasaskan maklumat yang disaring daripada sejumlah maklumat yang telah dimatangkan oleh pemikiran berasaskan konsep ilmu tertentu... wacana adalah hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu persoalan sehingga dapat dirumuskan ke dalam kesimpulan tertentu (Mohd. Affandi Hassan, 2004b, hlm. 54).

⁴ Falsafah "ilmu" menurut Persuratan Baru telah saya bincangkan secara khusus pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, *Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru* oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian I, *Jurnal YADIM*, No. 7 (Oktober), 2005, hlm. 1-16; Mohd. Zariat Abdul Rani, *Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru* oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian II, *Jurnal YADIM*, No. 8 (Jun), 2006, hlm. 73-88; & Mohd. Zariat Abdul Rani, *Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru* oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian III, *Jurnal YADIM*, No. 9 (Januari), 2007, hlm. 66-89.

Seterusnya, 'cerita' menurut PB merujuk kepada kehadiran dan penggemblengan alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, peristiwa, konflik, plot dan sebagainya, yang kesemuanya diperlukan dalam pembikinan sesebuah cerita. Tergolong juga dalam alat-alat penceritaan ialah unsur-unsur seperti hukum sebab-akibat, suspens/ketegangan, sensasi dan erotik, yang pada kebiasaannya dibangkitkan melalui teknik-teknik penceritaan seperti pemerian (*showing technique*) dan perincian sama ada terhadap latar, aksi atau dialog, guna menjadikan sesebuah cerita lebih realistik. Apa yang penting untuk difahami ialah bagaimana PB menetapkan fungsi alat-alat penceritaan tersebut hanya sebagai satu 'isian' (*content*) yang berguna bagi mengembang, menggerak dan seterusnya mengekal pergerakan cerita, selain memperhebatkan persembahan cerita secara keseluruhannya. Alat-alat penceritaan (isian cerita/*narrative content*) tersebut dianggap PB TIDAK menyumbang kepada proses penakulan, sebagaimana 'isian wacana' (*discourse content*). Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan tentang DUA jenis isian, iaitu 'isian cerita' (*narrative content*), dan 'isian wacana' (*discourse content*), yang kedua-duanya dibezakan oleh PB mengikut fungsinya, iaitu satu bagi merangsang proses penakulan (isian wacana), dan satu lagi ialah mengembang dan memperhebatkan cerita (isian cerita).

Satu lagi idea yang akan diterapkan ialah konsep 'ruang naratif'⁵ (*narrative space*), yang merujuk kepada ruang yang terbentuk antara bahagian permulaan dan bahagian kesudahan cerita. Meskipun istilah yang digunakan ialah 'ruang naratif', namun ia BUKAN sebahagian daripada 'isian cerita'. Sebaliknya, 'ruang naratif' dalam sesebuah karya kreatif itu bersifat neutral, dalam erti kata ia boleh diisi sama ada hanya dengan 'isian cerita', atau kedua-dua jenis isian, iaitu 'isian cerita' dan 'isian wacana'. Menurut PB, sesebuah novel akan dianggap memberikan keutamaan kepada ilmu sekiranya 'isian wacana' mengisi secara dominan ruang naratifnya selain 'isian cerita', manakala sesebuah novel dikatakan sekadar bercerita sekiranya HANYA 'isian cerita' mengisi 'ruang naratif'nya.

Selain itu, konsep lain yang juga akan diguna pakai ialah 'paksi naratif' (*narrative axis*), yang merujuk kepada pendirian (*stance*) novel terhadap sesuatu perkara, yang sekali gus menyerlahkan pandangan, tanggapan serta kecenderungan novel tentang perkara tersebut.⁶ Menurut PB, peranan 'paksi naratif' penting kerana ia dapat memberikan kesan yang signifikan dalam pengisian 'ruang naratif', terutamanya jenis isian yang bakal mengisi ruang naratif sesebuah karya kreatif, seperti yang akan diperlihatkan dengan jelas dalam analisis novel nanti. Berasaskan idea-idea dan konsep-konsep di atas, bahagian

⁵ Idea "ruang naratif" sebagai satu metode perungkaian teks yang disesuaikan dengan idea Persuratan Baru ini pertama kali difikirkan oleh Profesor Ungku Maimunah Mohd. Tahir ketika menyelia tesis kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani, Seksualiti dalam Novel-novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru, Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004. Selain dalam tesis tersebut, idea ini juga telah diterapkan secara lebih khusus pada beberapa kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "The Employment of Narrative Space in Hikayat Faridah Hanom by Syed Syeikh Al-Hadi and Pujangga Melayu by Mohd. Affandi Hassan: A Comparative Analysis", kertas kerja 13th Colloquium of the Malaysia Society of Australia, Faculty of Asian Studies, Australian National University, Australian National University, Canberra, 26 – 27 November 2004; & Mohd. Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "Persuratan Baru dan Penggemblengan Ruang Naratif: Satu Kajian Perbandingan Antara Hikayat Faridah Hanom oleh Syed Syeikh Al-Hadi dengan Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan", kertas kerja Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau II, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 22-24 Mac 2005. Rujuk juga Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "Salam Maria oleh Fatimah Busu: Satu Analisis Berdasarkan Persuratan Baru", kertas kerja Persidangan Antarabangsa "World in Discourse: Representations of Realities", Pusat Pengajian Bahasa Asing & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Hotel Sheraton, Subang Jaya, 21-23 November 2005; & Mohd. Zariat Abdul Rani, "Penggemblengan Paksi & Ruang Naratif dalam Panrita karya Arena Wati: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru", kertas kerja Wacana Abad 20, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Hotel City Bayview, Pulau Langkawi, 19-21 Disember 2005.

⁶ Istilah "paksi naratif" pertama kali digunakan oleh Mohd. Affandi dalam tulisan beliau bertajuk Era Picisan dalam Sastera Melayu: Shahnnon, Azizi, Rohman Shaary, Dewan Sastera, Julai, 2002, hlm. 44-47. Walau bagaimanapun, konsep "paksi naratif" ini telah terlebih dahulu beliau perjelaskan dalam beberapa tulisan sebelumnya, terutamanya apabila beliau menyebut tentang soal kejahatan yang dijadikan sebagai "tema utama" dan "pengucapan estetis" (kedua-duanya juga istilah Mohd. Affandi) dalam karya-karya sastera Melayu moden.

seterusnya akan menganalisis novel *Pujangga...*, untuk mengenal pasti jenis isian yang mengisi secara dominan ruang naratifnya, sama ada 'isian cerita', atau 'isian wacana', dan seterusnya menentukan keutamaan novel tersebut, sama ada untuk menyampaikan 'ilmu', atau sekadar bercerita.

PEMBENTUKAN 'PAKSI NARATIF' DAN 'RUANG NARATIF'

Analisis ini akan bermula dengan mengenal pasti pembentukan 'paksi naratif' dan 'ruang naratif' *Pujangga...* Pengamatan awal mendapati bahawa paksi naratif *Pujangga...* berlegar tentang cita-cita dan perjuangan hidup seorang sarjana Melayu, yang antaranya dapat dikenal pasti pada perkataan yang tertera pada judul novel itu sendiri, seperti perkataan 'pujangga' yang menurut Kamus Dewan merujuk kepada 'ahli fikir' dan 'ahli sastera (bahasa)' (*Kamus Dewan Edisi Baru*, 1992). Apa yang ketara daripada pengertian ini ialah kecenderungan *Pujangga...* terhadap soal kegiatan karang-mengarang, khususnya yang berkait rapat dengan pemikiran tentang kesusasteraan. Pemahaman ini dapat diperkukuhkan dengan pengamatan terhadap pembahagian isi kandungan novel yang dibahagikan pada empat bahagian, iaitu (i) Jejak Warisan, (ii) Citra *Pujangga*, (iii) Tampang Sasterawan, dan (iv) Wajah Pendeta. Kehadiran perkataan-perkataan seperti 'sasterawan' (penulis karya sastera) dan 'pendeta' (orang yang berilmu), selain pengulangan perkataan 'pujangga' itu sendiri, memperkukuhkan lagi jangkaan bahawa 'paksi naratif' *Pujangga...*, iaitu cita-cita dan perjuangan hidup seorang sarjana Melayu bakal ditegakkan dengan kisah yang berlegar soal pemikiran dan kesusasteraan. Jangkaan ini diperkuatkan lagi dengan kehadiran protagonisnya, iaitu Awang yang merupakan seorang profesor dan pada masa yang sama merupakan seorang pengarang yang memperjuangkan falsafah persuratannya sendiri.

Dengan tertegaknya 'paksi naratif' tersebut, *Pujangga...* seterusnya membentuk 'ruang naratif'nya yang ditandai dengan bahagian awal cerita, iaitu perihal pendidikan yang diterima oleh Awang sejak kecil yang kemudiannya membentuk kesarjanaannya, dan diakhiri pula oleh bahagian akhir ceritanya, iaitu perjuangan hidup Awang sebagai manusia berilmu. Sebagai sebuah karya kreatif (novel), *Pujangga...* menghadapi tuntutan untuk melebarkan jarak antara kedua-dua

bahagian (awal dan akhir cerita) tersebut, dalam usaha melebarkan lagi ruang naratif, yang sekali gus menambah jumlah halaman dan meningkatkan ketebalannya. Pelebaran jarak di antara bahagian permulaan cerita dengan bahagian akhir cerita ini, dengan sendirinya menjadikan soal pengisian 'ruang naratif' novel begitu relevan. Sehubungan itu, soalan penting yang perlu ditangani ialah apakah bentuk isian yang bakal mengisi 'ruang naratif' *Pujangga...* Hal ini berkait rapat dengan persoalan tentang bagaimanakah novel dapat menggerak, dan seterusnya mengembangkan bahagian permulaan ceritanya dengan isian yang secukupnya bagi membolehkan novel mengekalkan perkembangannya hingga ke kesudahan cerita. Bahagian yang seterusnya akan menganalisis penggemblengan 'isian naratif' ke dalam 'ruang naratif' *Pujangga...*

PENGGEMBLENGAN 'ISIAN CERITA'

Seperti yang dinyatakan di atas, paksi naratif *Pujangga...* berlegar tentang cita-cita dan perjuangan seorang pengarang Melayu. Dengan 'paksi naratif' ini, *Pujangga...* seterusnya membentuk 'ruang naratif'nya daripada bahagian permulaan ceritanya, iaitu didikan Awang sejak kecil yang membentuk kesarjanaannya, dan disudahi dengan bahagian akhir, iaitu matlamat perjuangan hidup Awang. Analisis mendapati bahawa 'paksi naratif' tersebut kemudiannya membentuk fasa-fasa tertentu dalam 'ruang naratif' *Pujangga...* yang ditandai dengan perkembangan usia Awang secara kronologi. Fasa-fasa yang dimaksudkan merujuk kepada kehidupan Awang ketika usia kanak-kanak, percintaannya di usia remaja, alam perkahwinan yang ditempuhinya, cabaran kerjaya setelah dewasa, dan akhirnya kematangannya sebagai pengarang.

Pengamatan awal mendapati bahawa berasaskan pembahagian fasa-fasa tersebut, *Pujangga...* menggembleng beberapa alat penceritaan guna mengisi 'ruang naratif'nya. Antara yang ketara ialah penggemblengan watak dan perwatakan yang berpusat pada Awang sebagai protagonis tunggal novel. Hal ini bererti 'paksi naratif' yang dikenal pasti, iaitu cita-cita dan perjuangan seorang pengarang Melayu merujuk pada perjuangan protagonis novel (Profesor Awang) dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pengarang. Dalam usaha mengejapkan 'paksi naratif' ini, novel didapati membekalkan watak Awang dengan ciri-ciri perwatakan yang sesuai. Hal ini jelas

apabila Awang ditampilkan sebagai seorang yang pintar sejak usia kanak-kanaknya, dan dengan kepintaran tersebut, dia berupaya mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Apa yang terkesan daripada ciri-ciri perwatakan Awang yang sedemikian ialah keistimewaannya sebagai kanak-kanak yang pintar dan serba boleh, sebagaimana dia diceritakan berupaya menguasai pelbagai cabang ilmu seperti bidang perubatan, falsafah, bahasa dan persuratan. Ciri-ciri perwatakan yang sedemikian, kemudiannya membolehkan novel untuk membangunkan 'paksi naratif'nya, iaitu cita-cita dan perjuangan hidup Awang. Hal ini jelas apabila dengan ciri-ciri perwatakannya yang pintar dan serba boleh itu, Awang diceritakan mampu merealisasikan cita-cita ayahnya yang mahu dia menjadi seorang doktor perubatan, sebelum menunaikan cita-citanya sendiri, hasil galakan daripada datuknya, iaitu menjadi pengarang yang berjuang untuk menegakkan kebenaran di sisi Islam.

Seperti yang dinyatakan di atas, pengemblem watak dan perwatakan dalam *Pujangga...* rata-rata berpusat pada watak Awang. Hal ini bererti bahawa kehadiran watak-watak lain ke dalam 'ruang naratif' novel hanya bermula apabila watak-watak tersebut dipertemukan dengan Awang. Pengemblem sedemikian jelas apabila pertembungan secara langsung, dan tidak langsung antara Awang dengan watak-watak tersebut memenuhi sebahagian besar 'ruang naratif' novel, berbanding komunikasi antara watak-watak selain Awang. Dengan kata lain, tanpa Awang, perjalanan cerita tidak berkembang, dan ini jelas apabila hampir keseluruhan kisah dalam novel ini disampaikan melalui sudut pandangan protagonis tersebut. Seperkara lagi yang penting ialah pengemblem watak-watak selain Awang yang juga mengambil kira keperluan untuk mengejapkan "paksi naratif" novel. Hal ini bererti dalam usaha untuk mengisi 'ruang naratif' dengan watak-watak tersebut (selain Awang), perkara penting yang menjadi pertimbangan novel ialah fungsi watak-watak selain Awang dalam menjelaskan secara kronologi tentang cita-cita dan perjuangan Awang sebagai pengarang. Dengan pertimbangan sedemikian, watak-watak seperti Tok Ayah, Ayah, ibu dan adik-beradik Awang menjadi antara watak-watak yang mengisi fasa pertama dalam 'ruang naratif' novel, iaitu usia kanak-kanaknya. Sesuai dengan fasa tersebut, watak-watak tersebut diberikan fungsi untuk menceritakan soal nama dan gelaran Awang, latar

belakang keluarga dan peribadinya serta didikan yang diterima oleh protagonis novel. Apabila cerita seterusnya beralih ke fasa yang kedua, iaitu kehidupan Awang di usia remaja, watak-watak seperti Aini Faridah dan Azizah pula diisi ke dalam 'ruang naratif' guna memainkan fungsinya sebagai teman-teman wanita yang menyemai bibit-bibit cinta ke dalam diri Awang. Fungsi sedemikian juga didapati menjadi pertimbangan dengan kemasukan watak-watak seperti Aisyah, Salasiah dan Dr. Faridah yang mengisi cerita-cerita tentang poligami Awang, selain kehadiran watak-watak seperti Pak Is, Bung Kus, Dr. Sahim, Dr. Bah dan Prof. Irna dalam cerita tentang falsafah persuratan Awang.

Apa yang seterusnya penting untuk dijelaskan ialah bagaimana watak-watak tersebut digemblem dengan ciri-ciri perwatakan yang dapat memperkukuhkan lagi 'paksi naratif' novel. Seperti yang dinyatakan, kisah dalam *Pujangga...* diceritakan melalui sudut pandangan orang pertama, iaitu sudut pandangan Awang. Dengan kata lain, soal cita-cita dan perjuangan hidup Awang sebagai pengarang disampaikan, ditafsir dan dimanifestasikan melalui protagonis tersebut. Dalam konteks ini, kehadiran watak-watak selain Awang, digemblem bagi memainkan fungsi untuk membolehkan Awang menyampaikan, mentafsir serta memanifestasikan persoalan tentang cita-cita dan perjuangan hidupnya. Hal ini bererti pertembungan antara protagonis dengan watak-watak lain memungkinkannya 'ruang naratif' novel diisi sama ada dengan pengalaman, pandangan, hujah, kritikan atau bidasan Awang tentang sesuatu perkara. Bagi mencapai matlamat ini, novel memilih untuk mengemblem watak-watak selain Awang, dengan ciri-ciri perwatakan yang bijaksana serta pandai berhujah dan menghuraikan pendapat mereka. Dengan perwatakan yang sedemikian, watak-watak ini dipertemukan dengan protagonis novel, dan pertemuan ini dengan sendirinya mewujudkan pertembungan idea yang ketara melalui dialog atau monolog yang mengandungi hujah-hujah tertentu. Hal ini umpamanya jelas dengan kehadiran watak-watak seperti Tok Ayah, Ayah dan Ibu Awang yang digemblem bagi menyalurkan pandangan dan idea-idea tertentu melalui nasihat serta tunjuk ajar mereka terhadap Awang. Adalah penting untuk diamati bahawa pandangan serta idea-idea yang dikemukakan melalui watak-watak tersebut mengisi 'ruang naratif' novel secara kerap dan berulang-ulang, kebanyakannya melalui monolog

dan ingatan Awang, meskipun setelah watak-watak tersebut ditiadakan dalam 'ruang naratif' novel. Hal ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa perkara pokok yang diberikan perhatian ialah pandangan dan idea-idea tentang cita-cita dan perjuangan Awang, dan bukannya survival watak-watak tersebut, yang peranannya dalam melanjutkan pandangan dan idea-idea tersebut kemudiannya diserahkan kepada watak Awang (setelah mereka ditiadakan dalam 'ruang naratif' novel).

Selain watak-watak bijaksana, *Pujangga...* didapati turut mengisi 'ruang naratif'nya dengan watak-watak yang dibekalkan dengan sifat ingin tahu serta rajin bertanya. Dengan ciri perwatakan tersebut, novel dengan sendirinya mencipta kesempatan yang luas untuk melanjutkan perbincangannya tentang idea-idea tertentu, terutamanya apabila sikap ingin tahu dan rajin bertanya watak-watak ini memungkinkan percambahan idea apabila mereka dipertemukan dengan Awang. Antara watak yang digembleng bagi memenuhi fungsi tersebut ialah Fatimah, yang hadir sebagai anak Awang yang petah dan pintar, yang dengan kepetahan dan kepintaran tersebut mendorongnya untuk bersoal jawab dengan Awang tentang poligami. Fungsi sedemikian juga diperuntukkan kepada watak Abdul Latif, adik ipar Awang yang masih muda dan kurang pengalaman dan dengan itu memerlukan bimbingan Awang. Adalah ketara bahawa kedua-dua watak tersebut diletakkan pada kedudukannya yang subordinat kepada protagonis, dan kedudukan tersebut memungkinkan pandangan serta idea-idea yang lahir melalui Awang mendominasi komunikasi antara mereka.

Seterusnya, analisis turut mendapati bahawa terdapat juga watak-watak yang digembleng untuk memberikan tentangan dan cabaran terhadap pandangan serta idea-idea yang dikemukakan Awang, dengan menawarkan perspektif yang berbeza daripada protagonis tersebut. Penggembengan seumpama ini jelas dengan kehadiran watak Sarasvati ke dalam 'ruang naratif' novel sebagai regu Awang dalam perbincangan tentang poligami Islam. Bagi memenuhi fungsi tersebut, Sarasvati ditampilkan sebagai watak wanita bukan Islam (India), selain berpendidikan tinggi dan petah berhujah. Dengan ciri-ciri perwatakan sedemikian, Sarasvati hadir sebagai watak wanita yang berani berhujah dan menjelaskan pandangannya yang sedia curiga (*skeptical*) terhadap poligami Islam. Penggembengan yang seumpama ini sekali gus

memungkinkan novel untuk mewujudkan dua lensa perbincangan yang berbeza, iaitu 'lensa Awang' mewakili lelaki Islam yang pro-poligami; dan 'lensa Sarasvati' mewakili wanita bukan Islam yang sedia prejudis terhadap poligami. Contoh lain ialah kehadiran watak-watak seperti Prof. Mai, Prof. Dr. Irna, Dr. Sob, Dr. Sahim dan Dr. Bah dalam sesi pembentangan kertas kerja, yang pandangan watak-watak tersebut rata-rata mempertikaikan gagasan persuratan yang dikemukakan oleh Awang. Kehadiran watak-watak tersebut juga menarik untuk dibincangkan kerana ia membolehkan novel untuk mengisi 'ruang naratif'nya dengan penjelasan dan huraian lebih terperinci melalui watak Awang, dalam konteks untuk menjawab kritikan-kritikan tersebut. Penggembengan untuk tujuan ini, umpamanya lebih ketara apabila novel mempertemukan Awang dengan watak-watak wartawan yang mengemukakan soalan-soalan provokatif terhadap idea-idea persuratannya. Strategi yang meletakkan Awang pada posisi yang 'perlu membela' (*defensive*), dengan mudah memberikan kesempatan kepada novel untuk mengisi 'ruang naratif'nya dengan hujah-hujah yang merupakan jawapan serta tangkisan terhadap kritikan-kritikan yang diutarakan. Pada tahap ini, penting untuk difahami bahawa 'ruang naratif' yang sebelum ini diisi dengan kehadiran watak-watak yang berkomunikasi dengan Awang, kemudiannya dilebarkan dengan hujah-hujah yang disampaikan sama ada melalui Awang, mahupun watak-watak lain.

Selain daripada watak dan perwatakan, pengisian 'ruang naratif' *Pujangga...* didapati turut melibatkan penggembengan peristiwa. Sesuai dengan matlamat untuk mengejapkan 'paksi naratif', iaitu cita-cita dan perjuangan Awang, peristiwa-peristiwa dalam novel dipilih berasaskan fungsinya bagi menceritakan kisah perjalanan hidup Awang dalam mengejar cita-cita dan perjuangan hidupnya. Untuk itu, novel memilih urutan peristiwa secara kronologi. Adalah jelas daripada analisis ini bahawa pemilihan peristiwa-peristiwa untuk diisi ke dalam 'ruang naratif' novel dilakukan berasaskan kesesuaiannya dengan fasa-fasa perkembangan usia dan kematangan Awang, seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Hal ini jelas apabila novel memilih sesi usrah atau perhimpunan antara ahli keluarga serta perbualan santai yang kebanyakannya diterajui oleh Tok Ayah dengan disertai oleh anak serta cucu-cucunya, sebagai peristiwa yang mengisi fasa usia Awang ketika kanak-kanak. Selain

itu, perkara-perkara yang dibangkitkan dalam peristiwa-peristiwa tersebut juga bersesuaian dengan perkembangan usia Awang. Misalnya, novel memilih untuk membangkit, membincang dan seterusnya membereskan terlebih dahulu soal cita-cita pada fasa zaman kanak-kanak Awang. Begitu juga dengan fasa kedua, iaitu zaman remaja Awang, yang memperlihatkan pemilihan peristiwa-peristiwa yang menceritakan detik-detik perkenalan Awang dengan Tengku Aini Faridah dan Azizah, perkembangan pelajaran serta kehidupan mereka di luar negara. Menarik juga dinyatakan bahawa novel turut memilih untuk mengisi fasa kedua ini dengan peristiwa lawatan Awang ke Andalus dalam perjalanan pulang ke Malaysia, yang kemudiannya dimanfaatkan bagi menghadirkan wacana tentang kegemilangan tamadun Islam Andalus. Apa yang terkesan daripada pengisian peristiwa tersebut ialah usaha novel untuk mengimbangi 'ruang naratif'nya dengan peristiwa yang dapat menghadirkan wacana, selepas mengisinya dengan cerita-cerita tentang perhubungan antara Awang, Aini Faridah dan Azizah. Dalam fasa seterusnya iaitu alam perkahwinan Awang, novel memperlihatkan usaha untuk mengisi 'ruang naratif'nya dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam rumah tangga Awang-Aini Faridah, konflik perkahwinan dan seterusnya perceraian mereka. Analisis mendapati bahawa setelah mengisi 'ruang naratif'nya dengan peristiwa-peristiwa tersebut, novel memilih untuk menumpukan perhatian terhadap soal penulisan novel Awang yang digambarkan menjadi cara untuk protagonis tersebut melupakan soal kegagalan rumah tangganya. Peralihan tumpuan ini memungkinkan novel untuk menghadirkan wacana tentang proses kreatif sesebuah novel, terutamanya tentang konsep, kedudukan dan pembikinan cerita mengikut falsafah persuratan Awang. Apa yang lebih penting untuk diamati ialah bagaimana peristiwa yang seterusnya, iaitu perkenalan Awang dengan Aisyah di Amerika Syarikat serta perkahwinan mereka, dijadikan sebagai peristiwa yang dapat memungkinkan kemasukan wacana-wacana selanjutnya tentang proses kreatif Awang. Hal ini jelas apabila novel kemudiannya menceritakan tentang kegemaran baru Awang dengan isterinya, iaitu bercerita tentang proses penulisan novel. Apa yang jelas daripada pemilihan peristiwa-peristiwa tersebut ialah usaha novel yang cenderung untuk mencipta kesempatan bagi mewajarkan wacana-wacana diisi ke dalam 'ruang naratif'nya.

Seterusnya, pemilihan peristiwa dalam fasa-fasa yang selanjutnya juga memperlihatkan keprihatinan yang sama, dan ini dimungkinkan lagi dengan tumpuan novel seterusnya terhadap soal kerjaya Awang sebagai sarjana dan kematangannya sebagai pengarang. Tumpuan tersebut dengan sendirinya membolehkan novel mengisi fasa-fasa tersebut dengan peristiwa-peristiwa seperti perbincangan dan temu bual dengan pelajar, forum, seminar, pembentangan kertas kerja dan sidang akhbar, yang kesemuanya melibatkan Awang sama ada sebagai subjek utama, sampingan atau pemerhati. Hal ini sekali gus menjadikan fasa-fasa yang terakhir sarat dengan pengisian wacana, berbanding cerita, seperti yang akan dibincangkan pada bahagian yang selanjutnya. Pada tahap ini, memadai untuk dijelaskan bahawa wacana-wacana yang mengisi 'ruang naratif' novel rata-rata bersesuaian dengan peristiwa-peristiwa yang mengisi fasa-fasa dalam kehidupan Awang. Hal ini umpamanya ketara pada bahagian 'Tampang Sasterawan' yang merupakan fasa yang menceritakan soal kerjaya Awang sebagai sarjana. Bahagian ini sarat diisi dengan wacana-wacana tentang falsafah dan konsep persuratan. Begitu juga dengan fasa kehidupan kelamin Awang sebagai pengarang yang beristeri empat pada bahagian 'Wajah Pendeta', kebanyakannya diisi dengan wacana-wacana berkenaan poligami Islam. Dalam hal ini, penggemblengan peristiwa untuk tujuan membangkitkan beberapa wacana atau isu lain dalam novel juga ketara apabila pemilihan peristiwa pergeseran rumah tangga ibu bapa Awang memberikan laluan terhadap kehadiran wacana tentang tanggungjawab dan kemuliaan wanita, peristiwa pertemuan Awang dan Salasiah di hotel yang membangkitkan isu politik wang, peristiwa pembunuhan Bakhtiar yang hadir bagi menjelaskan soal kekotoran dunia politik serta peristiwa kekecohan di tapak Universiti Darul Naim yang menjelaskan tentang perlunya ditegakkan keadilan dalam sistem perundangan negara. Seterusnya, pengisian wacana/isu tersebut ke dalam 'ruang naratif' novel memperlihatkan dengan jelas bagaimana kehadiran peristiwa mewajarkan penggemblengan wacana, yang kemudiannya melebarkan 'ruang naratif' novel, dan sekali gus menambah jumlah halaman novel. Dengan kata lain, analisis ini mendapati bahawa penggemblengan 'isian cerita' seperti watak dan peristiwa dalam *Pujangga...* dilakukan bagi mewajarkan kehadiran 'isian wacana', dan bukannya semata-mata untuk memenuhi keperluan cerita.

PENGGEMBLENGAN 'ISIAN WACANA'

Seperti yang telah dinyatakan dalam analisis sebelumnya, selain 'isian cerita', 'isian wacana' juga didapati hadir 'ruang naratif' *Pujangga....* Analisis juga mendapati bahawa penggemblengan 'isian cerita' dilakukan untuk mewajarkan kehadiran 'isian wacana'. Pengamatan awal mendapati bahawa kesemua idea, buah fikiran dan wacana yang dihadirkan rata-rata dipayungi oleh satu kerangka pemikiran, iaitu kerangka *Taklif* yang merujuk keterikatan manusia di sisi Islam dengan Pencipta mereka, yakni Allah SWT.⁷ Berasaskan kerangka ini, idea-idea tentang politik dan pentadbiran, ekonomi, kesenian, sosial termasuklah soal poligami dan kekeluargaan diberikan huraian, tafsiran dan penghujahan. Hal ini termasuklah idea penting yang mendominasi hampir keseluruhan 'ruang naratif' novel, iaitu idea tentang persuratan yang juga terangkum di dalamnya persoalan-persoalan seperti epistemologi ilmu, hakikat *Qalam*, dan konsep *style* serta kreativiti di sisi Islam.⁸

Seterusnya, perbincangan akan meneliti soal penggemblengan idea-idea tersebut ke dalam 'ruang naratif' novel. Pengamatan awal mendapati idea-idea tersebut diberikan perhatian yang sewajarnya, sekurang-kurangnya tidak dilontarkan untuk kemudiannya dikesampingkan begitu sahaja. Hal ini umpamanya jelas apabila novel buat pertama kalinya membangkitkan idea tentang cita-cita dan kerjaya yang diukur berasaskan kerangka *Taklif*. Berasaskan kerangka ini, *Pujangga....* mengajukan pandangan bahawa tugas sebagai seorang pengarang merupakan cita-cita dan kerjaya yang kedua mulia selepas kerjaya guru di sisi Islam, kerana peranannya yang penting dalam penyebaran ilmu pengetahuan. Lanjutan itu, novel memperuntukkan bahagian yang agak lumayan dalam 'ruang naratif'nya, iaitu lebih 38 halaman daripada bahagian 'Jejak Warisan' bagi membereskan idea tentang

keutamaan menjadi pengarang di sisi Islam. Selanjutnya, idea tentang keutamaan menjadi pengarang ini kemudiannya diperkembangkan, sejajar dengan fasa-fasa yang berubah mengikut perkembangan usia Awang. Dalam konteks ini, idea tersebut tidak lagi diwacanakan secara langsung (sebagaimana yang dilakukan dalam 38 halaman awal), sebaliknya diserapkan sebagai idea asas yang mengisi hampir keseluruhan 'ruang naratif' novel. Hal ini umpamanya jelas apabila bahagian-bahagian seterusnya menumpukan pada soal persiapan Awang ke arah cita-cita tersebut, dan selanjutnya proses kematangannya sebagai pengarang. Tumpuan ini sekali gus menjadikan wacana-wacana yang dibangkitkan selepas 38 halaman yang awal, seperti wacana epistemologi ilmu, falsafah serta konsep persuratan dan sastra, konsep *Qalam* serta kreativiti, sebagai huraian serta pengukuhan terhadap soal cita-cita dan kerjaya pengarang, seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut nanti. Apa yang penting untuk difahami bagaimana idea-idea di atas diperkembangkan untuk mengisi 'ruang naratif' novel yang selebihnya.

Pengamatan seterusnya akan meneliti proses perkembangan idea yang mengisi 'ruang naratif' *Pujangga....* Merujuk semula pada idea tentang keutamaan sebagai pengarang, pengamatan mendapati bahawa idea tersebut pertama kalinya diutarakan pada halaman 8. Pengutaraan idea ini, kemudiannya diikuti dengan kupasan dan huraian yang berkaitan, terutamanya soal epistemologi ilmu yang mendasari kerjaya tersebut. Menarik untuk diamati bahawa novel turut memperkukuhkan huraian tersebut dengan membangkitkan beberapa nama tokoh pengarang Islam yang terkenal seperti Ibn Sina, Ibn Rushd, Abu Bakar Al-Razi dan lain-lain, serta kupasan terhadap hasil-hasil karangan mereka guna memperkukuhkan idea yang telah diutarakan. Seperti yang dinyatakan lebih awal, *Pujangga...*

⁷ Soal keterikatan manusia dengan Allah s.w.t. yang mendasari falsafah *Taklif* telah saya bincangkan secara khusus pada kesempatan lain. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, *Islam Sebagai Al-Din: Beberapa Pengamatan Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. AFKAR (Jurnal Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), No. 4 (Mei), 2003, hlm. 29-62.

⁸ Adalah relevan untuk diketahui bahawa selain bergiat sebagai pengkritik sastra dan penulis kreatif, Mohd. Affandi juga merupakan bekas Pegawai Tadbir Diplomatik yang telah menghasilkan tulisan-tulisan yang berkaitan dengan bidang tugasnya itu, iaitu pengurusan dan pentadbiran awam, antaranya *Pengurusan, Pentadbiran Dan Kepimpinan dalam Pembinaan Tamadun Manusia* (1985); *Beberapa Prinsip dan Ciri Utama Kepimpinan dalam Islam* (1989); & *Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and an Alternative* (1990).

memperuntukkan jumlah halaman yang lumayan untuk membicarakan secara mendalam idea tentang keutamaan menjadi pengarang. Hal ini jelas apabila huraian dan kupasan tentang idea tersebut tidak terhenti pada takat kupasan contoh-contoh yang dikemukakan, tetapi dilanjutkan lagi pada bahagian-bahagian yang seterusnya. Hal ini jelas apabila selepas menghadirkan huraian dan kupasan tentang idea tersebut, "ruang naratif" *Pujangga...* seterusnya diisi dengan huraian serta kupasan tentang kerjaya-kerjaya selain pengarang, seperti wartawan, ahli sukan, ahli perniagaan dan sasterawan, untuk tujuan perbandingan. Sama seperti kerjaya sebagai pengarang, kerjaya-kerjaya berkenaan yang dijadikan sebagai perbandingan juga diberikan kupasan mengikut kerangka *Taklif*.

Seterusnya, dalam usaha memperkukuhkan lagi penghujahannya, analisis mendapati bahawa novel turut membahaskan falsafah dan konsep persuratan yang menunjangi tugas pengarang, dengan membandingkannya dengan falsafah dan konsep sastera yang menjadi pegangan sasterawan. Perbandingan ini mengambil ruang yang agak luas dalam 'ruang naratif' novel, dan ini jelas apabila hampir keseluruhan bahagian 'Tampang Sasterawan' digembleng sepenuhnya untuk tujuan tersebut. Dalam bahagian ini, idea-idea yang berlegar tentang falsafah dan konsep sastera seperti kreativiti, mimesis, relativiti, subjektiviti dan kebebasan berkarya (*freedom of expression*) dikupas dan ditafsirkan mengikut kerangka *Taklif*. Penggunaan kerangka tersebut dalam penilaian idea-idea di atas memungkinkan novel untuk sampai kepada kesimpulan bahawa falsafah dan konsep sastera yang bersifat imaginatif adalah bertentangan dengan falsafah dan konsep persuratan yang lebih bersifat intelektual. Pertentangan antara kedua-dua falsafah/konsep ini (persuratan *vs* sastera) diperkukuhkan apabila novel memperuntukkan banyak ruang yang diisi dengan peristiwa-peristiwa yang dapat memungkinkan pertembungan idea dan perdebatan serta bidas-membidas

antara kedua-dua falsafah/konsep tersebut, yang sekali gus membuka kesempatan yang lebih besar untuk novel memperkukuhkan ideanya tentang falsafah/konsep persuratan, dalam usaha menangkis hujah-hujah yang bertentangan. Usaha novel yang sedemikian memungkinkan idea-idea pokok tentang keutamaan menjadi pengarang yang sebelum itu sedia diberikan penghuraian, penjelasan dan pentafsiran, tetapi kemudiannya diberikan pengukuhan untuk seterusnya membentuk satu wacana ilmiah yang mantap. Perlu dijelaskan bahawa selain wacana tentang keutamaan menjadi pengarang, 'ruang naratif' *Pujangga...* turut diisi dengan idea-idea serta wacana-wacana lain, seperti wacana tentang soal kejantinaan (seksualiti), khususnya poligami Islam, kebobrokan dunia politik, keadilan ekonomi dan sosial dan lain-lain.⁹ Hal ini dengan sendirinya bererti bahawa 'isian wacana' sarat mengisi 'ruang naratif' *Pujangga...*

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk menjelaskan bahawa 'ruang naratif' *Pujangga...* diisi dengan dua jenis isian yang berbeza, iaitu 'isian cerita', dan 'isian wacana'. Analisis seterusnya akan memberikan tumpuan terhadap kedudukan antara kedua-dua isian tersebut dalam 'ruang naratif'nya, guna mengenal pasti keutamaan yang diberikan oleh novel tersebut, sama ada terhadap 'ilmu', atau 'cerita'. Dalam konteks kedudukan antara kedua-dua jenis isian, pengamatan awal mendapati adanya tanda-tanda yang memperlihatkan kecenderungan novel terhadap pengemblengan 'isian wacana'. Kecenderungan ini, antaranya jelas pada tindakan novel mengulang-ulang idea-idea yang sama pada sebahagian besar 'ruang naratif'nya. Umpamanya, idea tentang falsafah/konsep persuratan diulang beberapa kali, meskipun huraian dan kupasan tentangnya telah dilakukan secara mendalam dan mencukupi pada bahagian yang sebelumnya. Selain memperuntukkan satu bahagian khusus, iaitu 'Tampang Sasterawan' yang menangani idea tersebut secara mendalam, perbincangan tentang idea tersebut juga didapati hadir pada bahagian-

⁹ Untuk perbincangan khusus tentang wacana seksualiti dalam *Pujangga Melayu*, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Wacana Seksualiti Insan dalam novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan", kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Gender dan Seksualiti*, anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 10 Ogos 2004. Makalah ini, kemudiannya terbit dengan judul yang sama dalam SARI (Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia), Vol. 24 (Julai), 2006, hlm. 121-159.

bahagian akhir cerita (hlm. 701-706), iaitu lapan halaman sebelum novel ditamatkan. Begitu juga penjelasan tentang kerangka Taklif yang diberikan pengulangan sehingga ke halaman-halaman yang terakhir, dan ini dengan sendirinya menyerlahkan strategi novel yang berusaha untuk memperkukuhkan pemahaman tentang kerangka yang mendasari keseluruhan idea yang diutarakannya. Apa yang terkesan daripada strategi yang sedemikian ialah saratnya 'ruang naratif' Pujangga... dengan idea-idea yang dihurai, dibahas dan diperkukuhkan secara berulang-ulang kali, yang kemudiannya membentuk satu wacana ilmiah yang mendominasi sebahagian besar 'ruang naratif' novel. Dominasi 'isian wacana' dalam ruang naratif Pujangga... dengan sendirinya memberikan petanda tentang keutamaan novel terhadap 'ilmu', berbanding 'cerita'.

Pemahaman di atas diperkukuhkan lagi melalui pengamatan seterusnya yang mendapati bahawa cerita dalam Pujangga... berada pada kedudukan yang subordinat, kesan daripada keutamaan yang diberikan terhadap wacana. Analisis mendapati bahawa subordinasi terhadap cerita, antaranya jelas apabila novel kurang memanipulasi konflik yang merupakan salah satu praktik yang lumrah diguna pakai bagi memajukan cerita ke hadapan. Akan tetapi, dalam Pujangga..., konflik bukan sahaja kurang mengisi 'ruang naratif'nya, tetapi dan lebih penting lagi ia mendukung fungsi yang berbeza (bukan untuk memajukan cerita ke hadapan). Hal ini umpamanya jelas pada kehadiran dua konflik, iaitu konflik rumah tangga Awang dengan Aini Faridah, dan konflik cemburu antara Aini Faridah dengan Aisyah (Mohd. Affandi Hassan, 1999b, hlm. 266). Adalah jelas daripada analisis bahawa kehadiran kedua-dua konflik tersebut berfungsi untuk menghadirkan beberapa idea dan wacana, umpamanya konflik rumah tangga Awang-Aini Faridah yang dimanfaatkan bagi menghadirkan idea tentang pergeseran nilai antara dua ideologi, iaitu feudalisme dan kerakyatan. Begitu juga konflik Aini Faridah-Aisyah yang hadir untuk menimbulkan wacana tentang persoalan cemburu

antara isteri-isteri yang dipoligamkan. Analisis juga mendapati bahawa kedua-dua konflik tersebut tidak diperpanjangkan, dikomplikasikan serta dileraikan dengan cepat, dan justeru, pengemblemannya tidak menuntut kepada jumlah halaman yang lumayan. Selain itu, subordinasi terhadap pengemblem hukum sebab-akibat juga jelas, terutamanya apabila novel meniadakan beberapa peristiwa atau babak yang mengikut praktik hukum sebab-akibat yang lumrah penting bagi menggerakkan cerita ke hadapan. Hal ini umpamanya jelas apabila peralihan cerita pada penghujung bahagian 'Jejak Warisan' ke bahagian awal bahagian 'Citra Pujangga' kelihatan agak 'melompat', kesan daripada tindakan novel yang meniadakan babak/peristiwa yang menjelaskan pilihan Awang, sama ada untuk mengahwini Aini Faridah atau Azizah, sebelumnya menyambung dengan cerita rumah tangga Awang dengan Aini-Faridah. Begitu juga babak perkahwinan Awang-Dr. Faridah dan Awang-Salasiah yang bukan sahaja tidak diperincikan, tetapi maklumat tentangnya hanya dapat diperoleh dalam perkembangan cerita yang selanjutnya, sedangkan kedua-dua maklumat tersebut, dari segi manipulasi hukum sebab-akibat yang lumrah, penting bagi mengekalkan cerita tentang kehidupan poligami Awang.¹⁰ Sesungguhnya, pemilihan serta rangkaian peristiwa-peristiwa yang sedemikian dengan sendirinya menjelaskan subordinasi novel terhadap soal pengemblem hukum sebab-akibat, meskipun dalam pertimbangan yang lumrah bagi sebuah cerita tentang poligami, perkahwinan demi perkahwinan yang dilalui oleh protagonisnya (dari segi hukum sebab-akibat) penting bagi mewajarkan kehadiran peristiwa-peristiwa yang selanjutnya.

Apa yang seterusnya menarik untuk diperkatakan ialah soal ketiadaan babak-babak perhubungan seks yang detail dan eksplisit dalam Pujangga..., sedangkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bagi sebuah kisah poligami yang ditangani dalam novel setebal 714 halaman, kehadiran babak-babak sedemikian bukanlah

¹⁰ Tentang perkara ini, sila lihat cerita tentang perkahwinan Awang dengan Dr. Faridah (*Pujangga Melayu*, hlm. 320-322) yang membangkitkan soal kemungkinan berlakunya perkahwinan Awang – Dr. Faridah, dan bagaimana cerita mengenainya melompat (hlm. 411). Lihat juga tentang soal perkahwinan Awang- Salasiah hanya dibangkitkan pada hlm. 454, dan kesudahan cerita mengenainya juga melompat pada hlm. 470.

sesuatu yang sukar untuk dilakukan dan seterusnya diwajibkan.¹¹ Sebaliknya, yang mengisi 'ruang naratif' novel hanyalah empat babak intim, yang setiap satunya melibatkan Awang dengan keempat-empat isterinya, yang kesemuanya ditangani secara implisit, tanpa memperagakan aksi-aksi erotik watak-wataknya.¹² Analisis mendapati bahawa cairnya unsur-unsur erotik dalam keempat-empat babak intim tersebut, antaranya disumbangkan melalui strategi novel yang memasukkan pelbagai bentuk sisipan, sama ada dalam bentuk kata-kata puitis, puisi atau warkah. Sisipan-sisipan tersebut sebahagian besarnya mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan wacana-wacana yang dibangkitkan, dan ini dengan sendirinya mengalihkan fokus babak tersebut daripada hubungan intim suami isteri kepada wacana. Umpamanya, babak intim Awang-Dr. Faridah disisipkan warkah yang membangkitkan soal perbezaan antara falsafah persuratan dan falsafah sastera.¹³ Sesungguhnya, pengendalian babak-babak intim dengan cara yang sedemikian bukan sahaja meleakangkan Pujangga... daripada manifestasi-manifestasi seks dan erotik, tetapi dan lebih penting lagi, menjelaskan subordinasi novel terhadap pengemblengan 'isian cerita' dalam 'ruang naratif'nya. Pemahaman ini memperkukuhkan dapatan bahawa pengemblengan cerita dan isian-isiannya BUKAN menjadi keutamaan dalam pengkonsepsian Pujangga..., yang 'ruang naratif'nya lebih sarat diisi dengan wacana.

RUMUSAN

Dengan menerapkan PB yang dengan ketara membezakan antara 'ilmu' dan 'cerita' sebagai kerangka, analisis ini berhasil menemui beberapa perkara penting tentang pengemblengan 'ruang naratif' *Pujangga...* Analisis mendapati bahawa

novel memperlihatkan keprihatinan terhadap kemungkinan-kemungkinan yang ditawarkan oleh 'ruang naratif' bagi tujuan pengisiannya, iaitu sama ada untuk 'isian cerita', atau 'isian wacana'. Analisis juga mendapati bahawa novel telah memanfaatkan kedua-dua bentuk isian, iaitu 'isian cerita' dan 'isian wacana' guna mengisi 'ruang naratif'nya. Dalam konteks kedudukan antara kedua-dua jenis isian tersebut, analisis mendapati bahawa 'isian wacana' lebih mendominasi 'ruang naratif' *Pujangga...*, dan 'isian cerita' hanya digembleng untuk tujuan menghadirkan 'wacana'. Selain menjelaskan tentang keutamaan novel terhadap 'ilmu', dapatan-dapatan yang diperoleh di atas dengan sendirinya menyerlahkan komitmen Mohd. Affandi yang didapati berusaha untuk merealisasikan seruannya sendiri supaya karya sastera dimanfaatkan sepenuhnya sebagai wadah ilmu yang *legitimate*.

RUJUKAN

- BRAGINSKY, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV.
<http://www.aku.edu>.
- _____. (1992). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1992). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1994a). *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1994b). Mengapa saya menulis aligupit? *Dewan Masyarakat*, September, 10-12.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1994c). Pemikiran dan pendekatan dalam kesusasteraan Melayu moden. Dalam *Kesusasteraan Melayu: Mitos*

¹¹ Hal ini, antaranya turut dikesan oleh Ungku Maimunah dalam kertas kerja beliau bertajuk "*Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Tinjauan Awal", kertas kertas yang dibentangkan di Siri Diskusi Buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 27 Februari 2002, hlm. 41. Makalah ini, seterusnya diterbitkan dengan pengubahsuaian terhadap judul yang dilakukan oleh editornya, iaitu "Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan", *Dewan Sastera*, Ogos 2002, hlm. 43.

¹² Sila rujuk *Pujangga Melayu* untuk meneliti babak intim Awang dengan Aini Faridah, hlm. 469; Awang dengan Aisyah, hlm. 507; Awang dengan Dr. Faridah, hlm. 606; dan Awang dengan Salasiah, hlm. 582-583.

¹³ Soal pengendalian babak-babak intim tersebut yang banyak menggunakan teknik "sisipan" telah dibincangkan secara lebih khusus pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru", 2004.

- dan realiti (Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989)* (hlm. 68-122). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1999a). Persuratan baru dan cabaran intelektual: Menilai kembali kegiatan kreatif dan kritikan. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*, 6-8 Disember. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (1999b). *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2002, Julai). Era picisan dalam sastera Melayu: Shahnnon, Azizi, Rohman Shaary. *Dewan Sastera*, 44-47.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2003a). Dari danau ke taman: Sajak-sajak Muhammad Hj. Salleh dan Wan Mohd. Nor. Majlis Bicara Buku *Mutiara Taman Adabi* karya Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dari ISTAC, 21 September, Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Timur, Kota, Bharu.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2003b). Unsur jenaka dalam novel *Kawin-Kawin*: Kegagalan intelektual seorang sasterawan. *Seminar Jenaka Melayu Nusantara*, 21-23 September. Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Malaya.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2004a). Birokrat tulen: Satu analisis kreatif dari sudut Persuratan Baru. Dalam Lampiran A, Tesis Kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani, Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan persuratan baru. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2004b). Kesusasteraan Melayu di persimpangan jalan: Anti-intelektualisme, hasad, pandirisme. Wacana *Ilmiah DAMAI*, 21 Disember, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2005). Keaiban intelektual para sasterawan: Menghidupkan kembali persuratan Melayu. Dalam A. Aziz Deraman (Pynt.), *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Ke-3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MOHD. AFFANDI HASSAN. (2006). Hadiah dan anugerah sastera sastera di Malaysia: Satu penilaian kritis. Dalam *Seminar Impak Anugerah dan Hadiah Sastera Ke Atas Perkembangan Sastera Kebangsaan*, 25 Mei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2003). Islam sebagai *Al-Din*: Beberapa pengamatan terhadap pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *AFKAR*, 4(Mei), 29-62.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2004). Wacana seksualiti insan dalam novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan. Dalam *Seminar Gender dan Seksualiti*, 10 Ogos, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2005). Penggembleran paksi & ruang naratif dalam *Panrita* karya Arena Wati: Satu analisis teks berdasarkan persuratan baru. *Wacana Abad 20*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 19-21 Disember di Hotel City Bayview, Pulau Langkawi.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2005, Oktober). Sastera berpaksikan tauhid: Satu penerokaan terhadap gagasan persuratan baru oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian I. *Jurnal YADIM*, 7, 1-16.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2006, Jun). Sastera berpaksikan tauhid: Satu penerokaan terhadap gagasan persuratan baru oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian II. *Jurnal YADIM*, 8, 73-88.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2006). Kehadiran Barat dan kesannya terhadap kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 330-361.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2006, Julai). Wacana seksualiti insan dalam novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan. *SARI*, 24, 121-159.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI. (2007, Januari). Sastera berpaksikan tauhid: Satu penerokaan terhadap gagasan persuratan baru oleh Mohd. Affandi Hassan – Bahagian III. *Jurnal YADIM*, 9, 66-89.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI dan UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2004). The employment of narrative space in *Hikayat Faridah Hanom* by Syed Syekh Al-Hadi and *Pujangga Melayu* by Mohd. Affandi Hassan: A comparative analysis. Dalam 13th *Colloquium of the Malaysia Society of Australia*, 26 – 27 November. Faculty of Asian Studies, Australian National University, Canberra.
- MOHD. ZARIAT ABDUL RANI dan UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2005). Persuratan baru dan penggembleran ruang naratif: Satu kajian perbandingan antara *Hikayat Faridah Hanom* oleh Syed Syekh Al-Hadi dengan *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan. Dalam *Seminar Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau II*, 22-24 Mac, Dewan Bahasa dan Pustaka, Menara DBP, Kuala Lumpur.
- UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2000). Sastera menjana fikiran masyarakat. Dalam *Seminar Kebangsaan Teks Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*, 12 – 14

Julai, Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur.

- UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2001). Fungsi teori dan kritikan dalam pembinaan kanun sastera Melayu. Dalam *Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau*, 24-26 September, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2002). *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Mohd. Affandi: Satu tinjauan awal. *Siri Diskusi Buku Dewan Bahasa dan Pustaka*, 27 Februari, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2002, Ogos). Bagaimanakah *Pujangga Melayu* harus ditafsirkan. *Dewan Sastera*, 36-43.
- UNGKU MAIMUNAH MOHD. TAHIR. (2005). *Salam Maria* oleh Fatimah Busu: Satu analisis berdasarkan persuratan baru. Dalam Persidangan Antarabangsa *World in Discourse: Representations of Realities*, 21-23 November, Pusat Pengajian Bahasa Asing & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Hotel Sheraton, Subang Jaya.